

Jadikan banjir agenda nasional

PASIR SALAK 25 Jan. - Kerajaan diminta menjadikan masalah banjir yang sering melanda beberapa buah negeri setiap kali musim tengkujuh sebagai satu agenda nasional yang memerlukan pelan tindakan bersepadu.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Tajuddin Abdul Rahman berkata, masalah itu sudah berlaku puluhan tahun namun masih gagal diatasi sehingga kini.

Tambah Tajuddin, ini amat menyusahkan rakyat terlibat yang



**TAJUDDIN
ABDUL RAHMAN**

kebanyakan merupakan golongan petani, nelayan, perternak dan mereka yang berpendapatan rendah malah kerajaan juga terpaksa menanggung kerugian berbilion ringgit.

“Hujan tiga empat jam sahaja pasti banjir. Ini bukan baharu malahan sudah berlanjutan puluhan tahun. Kerajaan kena ingat mereka inilah yang menyokong kita, tak akan kita nak tengok mereka terus derita setiap kali musim tengkujuh.

“Yang paling saya sedih, mere-

ka ini hanya kita bantu dengan kotak makanan dan sumbangan kewangan sedangkan itu tidak menyelesaikan masalah banjir di situ.

“Jadi, sudah sampai masanya kita punya satu perancangan yang hebat dan besar bagi mengatasi masalah ini. Kalau perlu, minta pinjaman Bank Dunia dan Bank Pembangunan Asia untuk membangunkan infrastruktur yang mapan di kawasan terlibat,” katanya.

Tajuddin berkata demikian dalam sidang akhbar selepas melakukan lawatan dan menyampaikan sumbangan kepada mangsa banjir di sekitar kawasan Parlimen Pasir Salak.